

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

1. RUMPUN TIMUR SDN. BHD.

FAKTA UTAMA


16.04.1998	RM2.01 Juta	RM4.15 Juta
Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965	Pendapatan tahun 2021	Kerugian terkumpul sehingga 31 Disember 2021
Objektif Penubuhan	Terlibat secara aktif dalam pengurusan dan operasi bidang komersial yang diceburi bukan setakat menjadi pengeluar tetapi turut melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan seperti pemprosesan, bekalan input dan pemasaran	Aktiviti penternakan, pemprosesan dan penjualan ayam pedaging
Aktiviti Utama	Milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	
Perbadanan Induk	Syarikat berhad menurut syer	
Jenis Syarikat		
Modal Berbayar	RM1.10 juta	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Rumpun Timur Sdn. Bhd. (RTSB) ditubuhkan pada 16 April 1998 di bawah Akta Syarikat 1965. RTSB merupakan syarikat berhad menurut syer milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan modal berbayar berjumlah RM1.10 juta. Objektif penubuhan RTSB adalah untuk terlibat secara aktif dalam pengurusan dan operasi bidang komersial yang diceburi bukan setakat menjadi pengeluar tetapi turut melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan seperti pemprosesan, bekalan input dan pemasaran. Visi RTSB pula adalah menjadi peneraju di bidang penternakan ayam secara bersepadu di negeri Pahang.

1.2. Aktiviti utama RTSB adalah penternakan, pemprosesan dan penjualan ayam pedaging (ayam hidup dan ayam proses). Pada 28 Februari 2020, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) RTSB Bil. 1 Tahun 2020 memutuskan RTSB tidak lagi menjalankan aktiviti penternakan ayam mulai tahun 2020. Bagi meneruskan operasi, syarikat membeli ayam hidup untuk diproses dan dijual. Aktiviti pemprosesan ayam di ladang ternakan juga dihentikan pada 5 Oktober 2020 berdasarkan minit Mesyuarat ALP RTSB Bil. 4 Tahun 2020. Bagi kelangsungan syarikat, RTSB telah mengecilkan skala pengurusan dan pentadbiran dengan menawarkan Skim Berhenti Secara Sukarela kepada kakitangan pada tahun 2021 dan aktiviti utama hanya tertumpu kepada penjualan ayam, sewaan reban dan pajakan ladang sawit. Kronologi aktiviti utama RTSB bagi tempoh tahun 2019 hingga April 2022 adalah seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
KRONOLOGI AKTIVITI UTAMA RTSB DARI TAHUN 2019 HINGGA APRIL 2022



Sumber: Minit Mesyuarat ALP RTSB Bagi Tahun 2018 hingga April 2022

1.3. Pendapatan utama RTSB pada tahun 2019 adalah daripada aktiviti penjualan ayam hidup dan ayam proses, manakala pada tahun 2020 dan 2021 pendapatan utama RTSB hanya melalui penjualan ayam proses sahaja. RTSB mula menjalankan proses sewaan reban ayam dan pajakan tanah ladang sawit setelah aktiviti penternakan dan pemprosesan ayam dihentikan. RTSB juga menerima pendahuluan daripada PKNP untuk menjalankan aktiviti operasi. Model perniagaan RTSB adalah seperti dalam **Rajah 2**.


RAJAH 2
MODEL PERNIAGAAN RTSB



Sumber: RTSB

1.4. Pengurusan RTSB diketuai oleh Pengurus Besar. Namun, jawatan tersebut tidak diisi sejak 3 Januari 2020. Berikutan itu, PKNP telah melantik Pengarah Eksekutif pada 30 Mac 2022 bagi tujuan pemantauan operasi harian syarikat. RTSB mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pembangunan Projek. Berdasarkan perjawatan setakat 30 Mac 2022, sebanyak tujuh (63.6%) daripada 11 jawatan telah diisi. Struktur organisasi RTSB yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 30 Mac 2022 adalah seperti dalam **Carta 1** serta fungsi dan peranan setiap bahagian adalah seperti dalam **Jadual 1**.

CARTA 1
STRUKTUR ORGANISASI RTSB PADA 30 MAC 2022



Sumber: RTSB

JADUAL 1
FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN DI RTSB

BAHAGIAN	FUNGSI DAN PERANAN
Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan urusan pelantikan, kursus, kehadiran, perubatan, penilaian prestasi dan persaraan kakitangan. Penyediaan gaji, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan dokumentasi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Mengendalikan lesen perniagaan syarikat. Penyediaan buku laporan untuk Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.
Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Mengawal perbelanjaan syarikat dan menyediakan laporan kewangan syarikat. Membuat bayaran gaji dan bayaran kepada pembekal. Pelarasan akaun dengan pihak audit dan PKNP. Menyelaras penyata kewangan kepada penghutang.
Pembangunan Projek	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan kertas kerja dan kos projek untuk kelulusan ahli Lembaga Pengarah. Mendapatkan sebut harga dan invoice dari pembekal. Memantau perjalanan projek, memastikan penyediaan rekod berkaitan projek mengikut Manual Prosedur Operasi. Penyediaan laporan kemajuan projek.

Sumber: RTSB

1.5. RTSB diterajui empat ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada seorang pengurus dan tiga ALP. Lembaga Pengarah yang dilantik adalah terdiri daripada pihak pengurusan PKNP manakala pengurusan RTSB berada di bawah tanggungjawab Pengarah Eksekutif.

1.6. Pengauditan pengurusan syarikat RTSB pernah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2011. Antara penemuan yang dilaporkan adalah garis panduan dan prosedur kerja masih belum diperakui oleh Lembaga Pengarah; cadangan pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri; serta perolehan melebihi RM500,000 tidak dibuat secara tender.

2. OBJKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan RTSB melalui pengurusan aktiviti penternakan, aktiviti penjualan ayam dan aktiviti sewaan yang cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan aktiviti utama RTSB iaitu penternakan, penjualan ayam dan sewaan yang dilaksanakan pada tahun 2019 hingga 2021. Dua bidang utama yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai daripada aspek pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output meliputi lapan indikator utama Petunjuk Prestasi Utama (KPI) RTSB iaitu Pendapatan, Aliran Tunai, Jualan Ayam Proses, Kuantiti Kemasukan Anak Ayam, *Food Conversion Rate, Average Weight, Mortality Rate* dan Pendapatan Sewa. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan tiga peringkat yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Transformasi Perniagaan RTSB Tahun 2018 hingga 2022 iaitu *Quick Wins, Low Hanging Fruits* dan *Big Ticket*. Perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti adalah penternakan, penjualan ayam dan sewaan. Bagaimanapun, aktiviti penternakan ayam hanya dinilai bagi tahun 2019 kerana operasi berkenaan telah dihentikan pada tahun 2020.

3.2. Selain itu, pengauditan ini melibatkan lapan aspek tadbir urus korporat RTSB bagi tahun 2019 hingga bulan April 2022 dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti syarikat. Aspek tadbir urus korporat yang dinilai adalah Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha

Syarikat; Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Penubuhan Jawatankuasa serta Audit Dalam. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

3.3. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat RTSB yang terletak di Kompleks Teruntum, Kuantan, Pahang dan pemeriksaan fizikal dibuat terhadap aset syarikat di pejabat RTSB serta Reban A dan Reban B yang terletak di Sg. Miang, Pekan pada 9 Mei 2022.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan RTSB serta menganalisis data berkaitan. Pemeriksaan fizikal serta perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan RTSB yang telah diaudit oleh Tetuan Mohamed Asri & Co. bagi tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada RTSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 15 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

RTSB menetapkan lapan indikator utama sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu Pendapatan, Aliran Tunai, Jualan Ayam Proses, Kuantiti Kemasukan Anak Ayam, *Food Conversion Rate*, *Average Weight*, *Mortality Rate* dan Pendapatan Sewa. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat ALP RTSB mendapati KPI bagi tahun 2019 hingga 2021 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah RTSB. Pencapaian KPI turut dibentangkan kepada Perbadanan Induk dalam Sesi Pembentangan Prestasi Anak

Syarikat Kumpulan PKNP. Sesi pembentangan berkenaan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP yang juga merupakan Pengurus kepada Lembaga Pengarah RTSB. Semua ALP RTSB turut menyertai sesi pembentangan berkenaan.

5.1.1.1. Petunjuk Prestasi Utama

Semakan Audit mendapati tiga indikator iaitu Pendapatan, Aliran Tunai dan Jualan Ayam Proses telah dibuat penilaian semula pada tahun 2020 dan 2021. Manakala lima indikator yang lain hanya dinilai pada tahun 2019 kerana mulai tahun 2020 aktiviti berkenaan tidak lagi dijalankan. RTSB menetapkan lima tahap KPI dalam menentukan pencapaian prestasi indikator yang ditetapkan iaitu Lemah, Sederhana, Baik, Amat Baik dan Cemerlang. Petunjuk Prestasi Utama RTSB adalah seperti dalam

Jadual 2.

**JADUAL 2
PETUNJUK PRESTASI UTAMA RTSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

INDIKATOR	DI BAWAH AMBANG	AMBANG NILAI	SASARAN 1	SASARAN 2	SASARAN UNGGUL	PENCAPAIAN SEBENAR
	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	AMAT BAIK	CEMERLANG	
PENDAPATAN (RM Juta)						
2019	< 9.43	9.43 - 10.77	10.78 - 12.12	12.13 - 13.47	> 13.47	4.64
2020	< 2.35	2.35 - 2.69	2.69 - 3.03	3.03 - 3.30	> 3.30	2.39
2021	< 2.13	2.13 - 2.44	2.44 - 2.74	2.74 - 3.05	> 3.05	2.01
ALIRAN TUNAI (RM Juta)						
2019	< 0.52	0.52 - 0.60	0.60 - 0.67	0.67 - 0.75	> 0.75	* 0.00
2020	< 0.23	0.23 - 0.26	0.26 - 0.29	0.29 - 0.32	> 0.32	0.11
2021	< 0.81	0.81 - 0.92	0.92 - 1.04	1.04 - 1.16	> 1.16	0.68
JUALAN AYAM PROSES (RM Juta)						
2019	< 1.32	1.32 - 2.76	2.77 - 3.11	3.12 - 3.46	> 3.46	1.58
2020	< 2.03	2.03 - 2.32	2.32 - 2.61	2.61 - 2.90	> 2.90	1.75
2021	< 0.66	0.66 - 0.75	0.75 - 0.84	0.84 - 0.94	> 0.94	0.58
KUANTITI KEMASUKAN ANAK AYAM (Ekor Juta)						
2019	< 0.71	0.71 - 0.80	0.81 - 0.90	0.91 - 1.01	> 1.01	0.43
2020	TB					
2021	TB					
FOOD CONVERSION RATE (KG)						
2019	> 1.79	1.79 - 1.70	1.69 - 1.62	1.61 - 1.53	< 1.52	1.63
2020	TB					
2021	TB					
AVERAGE WEIGHT (KG)						
2019	< 2.10	2.10 - 2.19	2.20 - 2.29	2.30 - 2.39	> 2.40	2.29
2020	TB					
2021	TB					

INDIKATOR	DI BAWAH AMBANG	AMBANG NILAI	SASARAN 1	SASARAN 2	SASARAN UNGGUL	PENCAPAIAN SEBENAR
	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	AMAT BAIK	CEMERLANG	
MORTALITY RATE (%)						
2019	> 11.00	10.99 - 9.00	8.99 - 7.00	6.99 - 5.00	< 5.00	9.5
2020		TB				
2021		TB				
PENDAPATAN SEWA (RM Juta)						
2019		TB				
2020		TB				
2021	< 1.47	1.47 - 1.68	1.68 - 1.89	1.89 - 2.11	> 2.11	0.13

Sumber: Petunjuk Prestasi Utama RTSB bagi Tahun 2019 hingga 2021

Nota: (*) - RM2,272

a. KPI Pendapatan

- i. Pada tahun 2019, **KPI pendapatan RTSB berada pada tahap lemah iaitu berjumlah RM4.64 juta berbanding sasaran unggul yang sepatutnya melebihi RM13.47 juta. Pencapaian KPI pendapatan RTSB berada pada tahap sederhana bagi tahun 2020 berjumlah RM2.39 juta dan tahap lemah bagi tahun 2021 berjumlah RM2.01 juta berbanding sasaran unggul yang sepatutnya masing-masing melebihi RM3.30 juta dan RM3.05 juta.**
- ii. Pendapatan syarikat berkurang pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan syarikat tidak lagi menjalankan aktiviti penjualan ayam hidup kerana syarikat hanya menumpukan kepada penjualan ayam proses sahaja. Hasil jualan ayam hidup pada tahun 2019 adalah berjumlah RM2.89 juta. Selain itu, jualan ayam proses juga menunjukkan trend penurunan pada tahun 2021 sebanyak RM1.17 juta (66.9%) berbanding jualan tahun 2020 berjumlah RM1.75 juta. Penurunan jualan ayam proses pada tahun 2021 disebabkan bekalan ayam hidup yang terhad dan catuan ayam daripada kilang pemprosesan ayam.
- iii. Hasil jualan ayam hidup dan ayam proses merupakan penyumbang utama kepada pendapatan RTSB. Hasil jualan ayam pada tahun 2019, 2020 dan 2021 masing-masing berjumlah RM4.46 juta (96.1%), RM1.75 juta (73.2%) dan RM0.58 juta (28.8%).

- iv. Pendapatan lain RTSB pada tahun 2019, 2020 dan 2021 masing-masing berjumlah RM176,941 (3.9%), RM0.64 juta (26.8%) dan RM1.43 juta (71.2%). Pendapatan tersebut diperoleh antaranya daripada jualan udang, jualan buah kelapa sawit, sewaan, caj dan yuran pengurusan, diskau diterima, faedah diterima, keuntungan atas pelupusan aset, dan subsidi gaji Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Pada tahun 2021, jumlah pendapatan lain meningkat RM0.79 juta (123.4%) kepada RM1.43 juta berbanding RM0.64 juta pada tahun 2020. Bagi tahun 2020, pendapatan lain meningkat sejumlah RM461,870 (261%) kepada RM0.64 juta berbanding RM176,941 bagi tahun 2019. Pendapatan lain pada tahun 2021 meningkat dengan ketara disebabkan terimaan bagi sewa pajakan tanah ladang sawit berjumlah RM0.64 juta dan sewa reban berjumlah RM0.63 juta. Sejumlah RM266,000 daripada RM0.63 juta merupakan bayaran yuran komitmen kesan daripada penamatkan kontrak oleh dua syarikat sebelum tamat tempoh perjanjian. Manakala baki sejumlah RM360,000 adalah Bayaran Jaminan Pelaksanaan yang akan dipulangkan semula kepada penyewa setelah tamat perjanjian sewaan.
- v. Perbelanjaan RTSB terdiri daripada kos langsung, kos operasi dan kos kewangan. Bagi tahun 2021, jumlah perbelanjaan adalah RM1.78 juta iaitu menurun sejumlah RM4.41 juta (71.2%) berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM6.19 juta. Seterusnya, jumlah perbelanjaan menurun sejumlah RM213,866 (3.3%) kepada RM6.19 juta bagi tahun 2020 berbanding RM6.41 juta bagi tahun 2019. Faktor penurunan perbelanjaan yang ketara bagi tahun 2021 adalah disebabkan pengurangan kos belian ayam sejumlah RM1.11 juta dan rosot nilai dalam pelaburan yang diambil kira pada tahun 2020 berjumlah RM2.30 juta.
- vi. Analisis Audit mendapati prestasi kewangan RTSB merekodkan kerugian sebelum cukai pada tahun 2019 dan 2020 masing-masing berjumlah RM1.77 juta dan RM3.80 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2021 RTSB memperoleh keuntungan sebelum cukai sejumlah RM231,787. Perkara ini menyebabkan kerugian terkumpul menurun daripada RM4.38 juta pada tahun 2020 kepada RM4.15 juta pada tahun 2021. RTSB tetap mengalami kerugian terkumpul disebabkan trend perbelanjaan melebihi pendapatan dan penurunan pendapatan pada tahun 2019 dan 2020 serta penurunan dalam jumlah pendapatan pada tahun 2021.

vii. Butiran lanjut berkaitan pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 3, Carta 2** dan **Carta 3**.


JADUAL 3
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019, 2020 DAN 2021

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Pendapatan	4.46	1.75	0.58
Pendapatan Lain	0.18	0.64	1.43
JUMLAH PENDAPATAN	4.64	2.39	2.01
Kos Langsung	(5.25)	(2.30)	(0.80)
Kos Operasi	(1.15)	(3.89)	(0.98)
Kos Kewangan	* (0.01)	** (0.00)	*** (0.00)
JUMLAH PERBELANJAAN	(6.41)	(6.19)	(1.78)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	(1.77)	(3.80)	0.23
Cukai	-	-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	(1.77)	(3.80)	0.23
KERUGIAN TERKUMPUL	(0.58)	(4.38)	(4.15)
JUMLAH ASET	18.38	16.51	16.65
JUMLAH LIABILITI	17.86	19.79	19.71
JUMLAH EKUITI	0.52	(3.28)	(3.06)
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	18.38	16.51	16.65
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	**** 0.00	0.11	0.68


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota:
(*) - RM6,259
(**) - RM5,178
(***) - RM4,097
(****) - RM2,272

CARTA 2
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



CARTA 3
TREND KEUNTUNGAN/KERUGIAN SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

b. KPI Aliran Tunai

- i. **Pencapaian aliran tunai RTSB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 berada pada tahap lemah berbanding sasaran unggul yang sepatutnya masing-masing melebihi RM0.75 juta, RM0.32 juta dan RM1.16 juta.** Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun bagi tiga tahun berkenaan berbaki positif iaitu masing-masing berjumlah RM2,272, RM108,809 dan RM676,000. Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2019, 2020 dan 2021 yang berbaki positif masih tidak mencukupi bagi membiayai kos keseluruhan perniagaan.
- ii. Analisis Audit terhadap aliran tunai RTSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan serta penggunaannya untuk menampung perbelanjaan syarikat. Tahun 2019 mencatatkan aliran keluar tunai tertinggi berdasarkan tunai bersih yang diguna dalam aktiviti pelaburan berbanding tunai yang dijana daripada aktiviti operasi serta pengurangan tunai dan kesetaraan tunai sejumlah RM157,329. Kedudukan aliran tunai RTSB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN		
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	3.24	4.93	0.58
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(3.39)	(4.81)	** (0.00)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(0.01)	(0.01)	(0.01)
Tambahan/(Kurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	(0.16)	0.11	0.57
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	0.16	* 0.00	0.11
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	* 0.00	0.11	0.68

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: (*) - RM2,272

(**) - RM3,980

c. KPI Jualan Ayam Proses

Pada tahun 2019, **pencapaian KPI jualan ayam proses syarikat berada pada tahap sederhana iaitu berjumlah RM1.58 juta berbanding sasaran unggul yang sepatutnya melebihi RM3.46 juta. Pada tahun 2020 dan 2021 pula, pencapaian KPI**

jualan ayam proses berada pada tahap lemah iaitu berjumlah RM1.75 juta dan berjumlah RM0.58 juta berbanding sasaran unggul yang sepatutnya masing-masing melebihi RM2.90 juta dan RM0.94 juta. Pada tahun 2020 dan 2021, jualan ayam merosot disebabkan RTSB mengalami kekurangan ayam untuk dijual akibat isu catuan ayam dari kilang berikut pandemik Covid-19.

d. KPI Kuantiti Kemasukan Anak Ayam

Kemasukan anak ayam merujuk kepada anak ayam yang diterima daripada pembekal oleh pihak ladang untuk tujuan penternakan. Pada tahun 2019, **pencapaian KPI kuantiti kemasukan anak ayam syarikat berada pada tahap lemah kerana jumlah kemasukan anak ayam pada tahun tersebut adalah sebanyak 427,955 ekor berbanding sasaran unggul yang sepatutnya melebihi 1.01 juta ekor.** Hal ini disebabkan syarikat kekurangan modal untuk membeli anak ayam. Mulai tahun 2020, syarikat tidak lagi menjalankan aktiviti penternakan ayam.

e. KPI Food Conversion Rate

Food Conversion Rate (FCR) adalah merujuk kepada keupayaan ayam untuk menukar berat makanan yang diambil kepada berat badannya. Ia diukur berdasarkan (dalam kilogram) berat kering makanan yang perlu diambil untuk menghasilkan satu kilogram kenaikan berat badan ayam tersebut dalam tempoh tertentu. Ayam yang mempunyai FCR yang rendah dikira sebagai ayam yang efisien. Semakin rendah nilai FCR adalah semakin baik. KPI FCR yang dicapai pada tahun 2019 berada pada tahap baik iaitu 1.63 berbanding sasaran unggul yang sepatutnya tidak melebihi 1.52. Perkara ini menunjukkan 1.63 unit makanan dapat menghasilkan satu unit berat badan ayam. Mulai tahun 2020, tiada KPI ditetapkan kerana syarikat tidak lagi menjalankan aktiviti penternakan ayam.

f. KPI Average Weight

Average Weight adalah berat purata ayam yang dijual dalam setahun. Pada tahun 2019, berat purata ayam yang dicapai berada pada tahap baik iaitu 2.29 kg berbanding sasaran unggul yang sepatutnya melebihi 2.40 kg. Mulai

tahun 2020, tiada KPI ditetapkan kerana syarikat tidak lagi menjalankan aktiviti penternakan ayam.

g. KPI Mortality Rate

Mortality Rate adalah peratus purata kematian ayam setahun yang diambil kira daripada kumpulan kemasukan anak ayam mengikut pusingan bagi sesuatu tempoh. Pencapaian **KPI kadar purata kematian ayam di Reban A dan Reban B pada tahun 2019 berada pada tahap sederhana iaitu 9.5% berbanding sasaran unggul yang sepatutnya tidak melebihi 5%**. Berdasarkan Laporan Prestasi Ternakan dalam minit Mesyuarat ALP RTSB Bil. 4 Tahun 2019, Reban A mencatatkan kadar purata kematian tertinggi sebanyak 12%. Perkara ini disebabkan gangguan kucing liar ke atas anak ayam dan suhu yang tinggi akibat cuaca yang panas. Mulai tahun 2020, tiada KPI ditetapkan kerana syarikat tidak lagi menjalankan aktiviti penternakan ayam.

h. KPI Pendapatan Sewa

Berdasarkan Pelan Perniagaan dan Bajet Tahun 2021, RTSB telah menasarkan sewaan sebagai aktiviti yang menjana pendapatan kepada syarikat seperti sewaan kolam, sewaan reban ayam dan pajakan tanah ladang sawit. Oleh itu, pada tahun 2021 RTSB telah menetapkan KPI bagi Pendapatan Sewa. **Pencapaian KPI pendapatan sewa pada tahun 2021 berada pada tahap lemah di mana syarikat hanya memperolehi pendapatan sewa berjumlah RM134,974 (9.2%) berbanding sasaran unggul yang sepatutnya melebihi RM2.11 juta**. Pendapatan sewa tersebut merupakan hasil sewaan kolam. Pada tahun 2021, RTSB belum menerima hasil melalui sewaan reban ayam kerana RTSB memberi pengecualian sewa bagi tahun pertama penyewaan manakala pajakan tanah ladang sawit masih dalam usaha mendapatkan penyewa.

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 1 Jun 2022 dan 7 Julai 2022

RTSB menetapkan KPI tahunan berdasarkan kepada bajet tahunan yang disediakan. Angka-angka pencapaian KPI yang ditetapkan dilaporkan kepada PKNP pada setiap suku tahun. PKNP telah mengambil maklum sebab-sebab KPI tidak tercapai. Dengan sebab-

sebab luar kawalan signifikan yang tidak diambil kira sewaktu bajet dibentang dan diluluskan, RTSB sepatutnya membuat semakan semula bajet tahunannya (budget review) dan membuat pindaan kepada petunjuk prestasi utama sewajarnya. Manakala bagi tahun 2021, semakan semula bajet perlu dibuat berikutan penularan pandemik Covid-19 dan faktor kekurangan ayam akibat pandemik tersebut.

Penurunan pendapatan utama RTSB pada tahun 2020 dan 2021 berbanding tahun 2019 adalah kerana pandemik yang melanda negara menyebabkan penurunan dalam penjualan ayam proses. Perbelanjaan RTSB juga berkurang pada tahun 2020 dan 2021 berbanding tahun 2019 kerana operasi ternakan telah ditutup yang mengurangkan kos perbelanjaan projek. RTSB mengambil maklum berkaitan analisis kedudukan kewangan, analisis nisbah kewangan dan penilaian terhadapnya. Syarikat akan membuat penambahbaikan terhadap prestasi kewangan berkaitan pembayaran hutang, pengurusan kredit dan pengurusan aset tetap.

Pendapat Audit | **Secara keseluruhan, prestasi pencapaian output RTSB bagi aktiviti penternakan dan penjualan ayam adalah tidak cekap kerana tidak mencapai sasaran ditetapkan. Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan RTSB adalah kurang stabil. Nisbah hutang atas aset syarikat pada tahun 2021 pada kadar 119.7% menunjukkan syarikat sangat bergantung pada pembiayaan luar. Kemampuan kewangan syarikat mempengaruhi penilaian usaha berterusan (going concern) syarikat pada masa akan datang.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan kemampuan syarikat dalam mencapai objektif penubuhannya. Bagaimanapun, objektif syarikat masih belum dipinda berdasarkan aktiviti semasa. Selain itu, RTSB telah menetapkan tiga peringkat keberhasilan iaitu *Quick Wins*, *Low Hanging Fruits* dan *Big Ticket* melalui Pelan Strategik Transformasi Perniagaan RTSB Tahun 2018 hingga 2022 yang diluluskan dalam Mesyuarat ALP RTSB Bil. 1 Tahun 2018 pada 28 Februari 2018.
- b. Semakan Audit setakat 30 April 2022 mendapati **RTSB tidak melaksanakan penilaian terhadap ketiga-tiga peringkat keberhasilan ini**. Semakan selanjutnya mendapati **kesemua jangkaan keberhasilan tidak dicapai**

oleh RTSB. Akibat tiada penilaian yang dibuat, RTSB tidak dapat menilai tahap kejayaan syarikat dalam mencapai objektif penubuhannya. Butiran lanjut terhadap pencapaian keberhasilan RTSB bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
PENCAPAIAN KEBERHASILAN RTSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

INDIKATOR	CAPAI (/)/ TIDAK CAPAI (X)	CATATAN
QUICK WINS (DALAM MASA 1 TAHUN)		
Pemerkasaan efisien penternakan ladang	X	Operasi penternakan ayam telah ditutup
Peningkatan penjualan ayam proses	X	Jualan ayam proses menurun sebanyak 66.9% pada tahun 2021
Perketat pematuhan SOP dan KPI	X	SOP tidak lengkap dan kemas kini
Bayaran balik pendahuluan	X	Belum dibayar kepada Perbadanan Induk
LOW HANGING FRUITS (1 HINGGA 5 TAHUN)		
Kepelbagai produk	X	Tiada produk utama lain selain jualan ayam
Mempertingkat sinergi antara Agensi Kerajaan dan Negeri	X	Tiada sinergi bagi kedua-dua pihak
Mempertingkat keupayaan pembayaran sumbangan kepada induk	X	Tiada bayaran sumbangan kepada induk
Memaksimumkan keuntungan	X	Syarikat mengalami kerugian
Pembayaran dividen melalui keuntungan yang utuh	X	
BIG TICKET (3 HINGGA 5 TAHUN ATAU KEBERHASILAN YANG MEMERLUKAN DANA YANG AMAT BESAR)		
Perkembangan bisnes secara <i>regional</i>	X	Aktiviti utama syarikat berubah
Kepelbagai produk <ul style="list-style-type: none"> • Anak Ayam • Makanan Ayam • Baja 	X	Operasi penternakan ayam telah ditutup

Sumber: Pelan Strategik Transformasi Perniagaan RTSB Tahun 2018 hingga 2022

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 7 Julai 2022

RTSB tidak dapat mencapai peringkat keberhasilan *Big Ticket* (3 hingga 5 tahun) iaitu dari tempoh 2019 hingga 2022 kerana memerlukan dana yang amat besar, namun aliran tunai syarikat hanya sebanyak RM108,809 pada tahun 2020 menyukarkan syarikat melaksanakan perancangan tersebut.

Objektif RTSB telah dipinda mengikut aktiviti semasa dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas ALP RTSB Bil. 4 Tahun 2022 pada 24 Jun 2022.

Pendapat Audit | **Objektif penubuhan RTSB yang belum dipinda selaras dengan aktiviti semasa menyebabkan hala tuju syarikat tidak jelas dan berlakunya penggunaan sumber yang tidak optimum. Tanpa hala tuju yang jelas, matlamat syarikat tidak dapat ditentukan yang memberi impak terhadap usaha berterusan (going concern) syarikat pada masa akan datang. Prestasi keberhasilan RTSB berdasarkan pelan strategik transformasi perniagaan juga tidak berjaya dicapai bagi ketiga-tiga peringkat keberhasilan yang ditetapkan.**

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Aktiviti Penternakan

a. Penyelenggaraan Rekod

- i. Manual Prosedur Operasi, Bahagian Penternakan Ayam menyatakan rekod pengurusan operasi hendaklah diselenggara di ladang ternakan seperti tempahan (permintaan belian), terimaan (anak ayam/makanan), kemasukan dan pemberian makanan harian ayam, pemberian ubat, tuaian, stok (input/peralatan), harian takai (menyingkirkan anak ayam yang tidak produktif/berpenyakit/cacat), kematian *Day Old Chick* (DOC) dan jualan ayam. Selain itu, pihak pengurusan ladang hendaklah membuat sistem fail untuk simpanan rekod operasi seperti *purchase order*, kematian ayam dan salinan *delivery order* (DO) daripada pembekal.
- ii. **Pihak Audit tidak dapat mengesahkan rekod berkaitan operasi penternakan ayam di ladang bagi tahun 2019 kerana rekod tersebut tidak dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.** Bagaimanapun, laporan kemajuan berkaitan operasi projek penternakan ayam pedaging ada dibentangkan dalam mesyuarat ALP.

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 21 Jun 2022 dan 7 Julai 2022

Memandangkan operasi penternakan ayam telah dihentikan, maka rekod aktiviti penternakan ayam di ladang tidak lagi disimpan. Bagaimanapun, laporan berkaitan

operasi penternakan ayam telah disediakan berdasarkan rekod tersebut serta dibentangkan dalam Mesyuarat ALP RTSB.

b. Kematian Ayam yang Tinggi

- i. RTSB ada menyediakan Manual Prosedur Operasi Bahagian Penternakan Ayam bagi memastikan aktiviti penternakan ayam dapat dijalankan dengan baik. Manual tersebut meliputi pembersihan reban dan proses pencucian, penyediaan perindukan (tempat jagaan anak ayam), penerimaan anak ayam, pelalian, pemberian ubat, proses membuka blok, penjagaan harian dan proses tuaian. Selain itu, KPI menetapkan sasaran bagi kematian ayam adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan kemasukan anak ayam.
- ii. Semakan Audit mendapati SOP **bagi berat purata ayam, kematian ayam dan FCR tidak disediakan sungguhpun merupakan antara indikator KPI syarikat.** Analisis Audit mendapati pada tahun 2019, jumlah kematian ayam bagi Reban A antara 6,254 ekor (9.6%) hingga 9,163 ekor (13.9%) manakala Reban B antara 1,802 ekor (6.5%) hingga 4,832 ekor (8.3%). Semakan lanjut mendapati **kedua-dua reban ternakan ayam RTSB mencatatkan kadar kematian ayam yang tinggi berbanding sasaran yang ditetapkan.**
- iii. Perkara ini disebabkan RTSB tidak menyediakan sebahagian SOP berkaitan penternakan ayam yang merupakan antara indikator KPI syarikat. Kadar kematian ayam yang tinggi boleh menyebabkan jualan dan pendapatan syarikat berkurang berbanding sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
LAPORAN KEMATIAN AYAM DI REBAN A DAN REBAN B PADA TAHUN 2019

REBAN / TUAIAN	1	2	3	4	5
REBAN A					
Tarikh Masuk	04.01.2019 -	12.03.2019 -	14.05.2019 -	TB	
Tarikh Tuaian	18.01.2019 07.02.2019	28.03.2019 12.04.2019	27.05.2019 13.06.2019		
Kuantiti Masuk DOC	65,340	65,900	62,000		
Kuantiti Keluar DOC	59,086	56,737	53,886		
Bilangan Kematian	6,254	9,163	8,114		
% Kematian <5%	9.6	13.9	13.1		

REBAN / TUAIAN	1	2	3	4	5
REBAN B					
Tarikh Masuk	29.11.2018 - 11.12.2018	01.02.2019 - 18.02.2019	08.04.2019 - 19.04.2019	13.06.2019 - 03.07.2019	19.09.2019 - 01.10.2019
Tarikh Tuaian	29.12.2018 - 21.01.2019	04.03.2019 - 06.04.2019	04.05.2019 - 11.06.2019	23.07.2019 - 14.08.2019	23.10.2019 - 11.11.2019
Kuantiti Masuk DOC	47,500	43,300	57,900	30,100	27,915
Kuantiti Keluar DOC	44,333	40,244	53,068	27,928	26,113
Bilangan Kematian	3,167	3,056	4,832	2,172	1,802
% Kematian <5%	6.7	7.1	8.3	7.2	6.5

Sumber: Minit Mesyuarat ALP RTSB Bil. 4 Tahun 2019

Nota: DOC - Day Old Chick

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 1 Jun 2022

Aktiviti penternakan ayam telah dihentikan bermula tahun 2020. Sekiranya syarikat bercadang untuk menjalankan semula operasi ternakan, maka SOP ternakan akan diteliti semula secara lebih terperinci. Berdasarkan laporan yang dibentangkan dalam Mesyuarat ALP RTSB Bil. 3 Tahun 2019, kematian ayam yang tinggi berpunca daripada gangguan kucing liar.

c. Dokumen Sokongan Bagi Baucar Bayaran Tidak Lengkap

- i. Mengikut SOP Permintaan Belian dan Terimaan Input Manual Prosedur Operasi RTSB dan Prosedur Buku Tunai menghendaki invois daripada pembekal mesti dikepil bersama borang DO/resit, borang permintaan belian dan dihantar ke Bahagian Kewangan oleh Pengurus Projek. Baucar bayaran mestilah mengandungi invois, *purchase order*, *order form* dan DO yang disahkan dari Bahagian Perolehan di ladang.
- ii. Semakan Audit terhadap 261 sampel baucar bayaran tahun 2019 bagi perolehan anak ayam dan ayam hidup mendapati kesemua baucar bayaran berjumlah RM1.04 juta telah diperaku untuk pembayaran oleh Bahagian Kewangan. **Pembayaran tersebut dibuat berdasarkan invois daripada pembekal dan purchase order tanpa membuat pengesahan/semak silang kuantiti sebenar ayam diterima oleh pihak ladang menerusi DO. Invois yang diterima daripada pembekal juga tidak disahkan penerimaan kuantitinya oleh pihak ladang.**

- iii. Perkara ini disebabkan pihak ladang juga tidak mengemukakan salinan DO yang telah disahkan kepada Bahagian Kewangan seperti yang ditetapkan dalam SOP syarikat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SENARAI BAUCAR BAYARAN YANG TIDAK DIKEPILKAN DO

BULAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
Januari	19	149,987.45
Februari	10	89,097.85
Mac	16	150,773.90
April	24	55,771.50
Mei	4	26,170.00
Jun	19	70,116.40
Julai	19	91,304.60
Ogos	21	66,266.60
September	34	87,980.85
Oktober	22	56,926.80
November	29	75,132.00
Disember	44	122,993.40
JUMLAH	261	1,042,521.35

Sumber: Baucar Bayaran RTSB Tahun 2019

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 1 Jun 2022 dan 21 Jun 2022

Pihak pengurusan mengambil maklum dan teguran serta semakan kepada Bahagian berkenaan bagi memastikan perkara ini tidak berulang. Pengurusan juga telah mengambil tindakan untuk bahagian projek semasa dengan menyediakan Borang *Delivery Order* Pembekal sebagai bukti penerimaan barang.

Pendapat Audit | Secara keseluruhan, pengurusan aktiviti penternakan adalah tidak cekap. Walaupun aktiviti penternakan tidak lagi dijalankan, rekod yang lengkap perlu diselenggara dan disimpan bagi membolehkan RTSB mengenal pasti kelemahan yang berlaku bagi tujuan tindakan penambahbaikan.

5.2.2. Aktiviti Pemasaran Ayam Proses

- Bagi meningkatkan penjualan ayam proses, syarikat hendaklah menyediakan perancangan pemasaran strategik dan berkesan bagi mempromosikan ayam proses untuk mendapatkan pelanggan tetap dan memastikan jualan berterusan.

- b. Semakan Audit mendapati **SOP Pemasaran Ayam Proses hanya disediakan oleh RTSB pada tahun 2022**. Bagaimanapun, **SOP tersebut tidak memperincikan kaedah dan strategi yang akan digunakan untuk memasarkan ayam proses** sebaliknya menumpukan kepada aspek pembelian dan penjualan ayam proses. Semakan selanjutnya mendapati RTSB menggunakan risalah dan media sosial untuk mempromosikan jualan ayam proses seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Whatsapp* mulai tahun 2018. Bagaimanapun, pada tahun 2021 strategi pemasaran yang tidak sistematik menjadi faktor penjualan ayam proses menurun sejumlah RM1.17 juta (66.9%) berbanding tahun 2020 iaitu daripada RM1.75 juta kepada RM0.58 juta.

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 7 Julai 2022

SOP pemasaran yang dikemas kini dan telah dibentang serta diluluskan dalam Mesyuarat ALP Khas Bil. 4 Tahun 2022 pada 24 Jun 2022.

Pendapat Audit | **Aktiviti pemasaran merupakan satu elemen penting dalam operasi penjualan ayam proses. Penyediaan SOP berkaitan pemasaran adalah satu pendekatan yang baik tetapi strategi pemasaran yang akan diguna pakai oleh RTSB perlu dikenal pasti dan diperincikan dalam SOP tersebut.**

5.2.3. Pengurusan Aset Operasi Perniagaan dan Pemprosesan Ayam

a. Pendaftaran dan Pelabelan Aset

- i. Melalui Prosedur Kawalan Aset RTSB, semua aset mesti didaftarkan dan dilabel dengan betul dan teratur supaya senang dilihat, tidak mudah hilang dan kabur. Aset perlu didaftar dengan nombor label, nombor siri, nombor model dan lokasi aset itu ditempatkan.
- ii. Semakan Audit mendapati **semua aset syarikat tidak didaftar dan dilabelkan** seperti yang ditetapkan dalam SOP syarikat. Hal ini disebabkan tiada pemantauan pihak pengurusan syarikat dan tiada pegawai yang dilantik secara khusus untuk pengurusan aset. Selain itu, **SOP pengurusan**

pendaftaran dan pelabelan aset tidak disediakan dengan terperinci seperti tempoh pendaftaran perlu dibuat, lantikan pegawai aset, format pendaftaran dan pelabelan. Aset syarikat yang tidak didaftar dan dilabelkan boleh menyebabkan kesukaran mengesan aset dan berlakunya risiko kehilangan aset.

b. Pengesahan Fizikal, Pelupusan dan Penyenggaraan Aset

- i. Berdasarkan Prosedur Kawalan Aset, pengesahan fizikal aset perlu dilakukan sekurang-kurangnya setahun sekali. Pengesahan fizikal perlu dilakukan oleh wakil daripada Bahagian Kewangan dan dibantu oleh wakil daripada bahagian yang terlibat. Prosedur Pelupusan Aset disediakan bagi tujuan menjual atau melupus aset syarikat. Proses pelupusan hendaklah dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan dengan membuat pemeriksaan dan pengesahan bagi aset yang hendak dilupuskan.
- ii. Semakan Audit mendapati **pengesahan fizikal aset tidak dilaksanakan oleh RTSB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021**. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan pada 9 Mei 2022 di Reban A dan Reban B yang terletak di Sungai Miang, Pekan mendapati **aset terbiar dan tidak digunakan serta aset yang rosak tidak diambil tindakan untuk pelupusan**. Selain itu, berlaku **kehilangan satu unit aset Water Pump - Poultry di Reban A**.
- iii. Perkara ini disebabkan **SOP sedia ada tidak meliputi semua aspek pengurusan aset**. Aset yang tidak disenggara mengikut jadual boleh menyebabkan kerosakan aset. Aset yang rosak dan tidak digunakan tetapi tidak dilupuskan pula oleh syarikat boleh menyebabkan kerugian kepada syarikat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

JADUAL 8
SENARAI ASET YANG ROSAK, TERBIAR DAN HILANG

BIL.	NAMA ASET	TARIKH BELIAN	AMAUN BELIAN (RM)	KEADAAN ASET [BAIK (✓)/ ROSAK (X)]	LOKASI
1.	Kolam takungan - reban ayam	Jun 2011	71,510	X	REBAN A
2.	Water pump - poultry (Hilang)	Jun 2012	1,250	X	
3.	Kereta Proton Wira CAK 1691	Januari *	12,000	X	REBAN B
4.	Motosikal Yamaha 80 - CN 8562	April 2009	250	X	
5.	Motosikal Honda EX 5 WEE 9529	April 2009	850	X	
6.	Motosikal Honda C70 - BCP 5462	Mei 2009	400	X	
7.	Motosikal - Sg. Miang	Mac 2012	1,700	X	

BIL.	NAMA ASET	TARIKH BELIAN	AMAUN BELIAN (RM)	KEADAAN ASET [BAIK (✓)/ ROSAK (X)]	LOKASI
8.	Traktor L1501 DT	Tahun 2010	19,800	X	
9.	Mesin cabut bulu ayam	14 Mac 2018	15,377	X	
10.	Mesin pemprosesan ayam dan pemotong ayam	13 Mac 2017	5,300	X	
11.	Mesin pemotong ayam	20 Mac 2018	1,840	X	
12.	Freezer	10 Ogos 2017	3,300	X	

Sumber: RTSB

Nota: (*) - Tiada maklumat tahun pembelian dinyatakan dalam rekod aset

GAMBAR 1



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Kereta Rosak dan Tidak Dilupuskan
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Motosikal Rosak dan Tidak Dilupuskan
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Water Pump-Poultry yang Hilang
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Traktor yang Terbiar dan Tidak Digunakan
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Mesin Pemprosesan Ayam yang Terbiar
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Freezer yang Rosak dan Tidak Dilupuskan
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 21 Jun 2022 dan 7 Julai 2022

SOP pengurusan aset telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Khas ALP Bil. 4 Tahun 2022 pada 24 Jun 2022. Syarikat akan mendaftar dan melabelkan aset syarikat berdasarkan senarai utama aset yang sedia ada.

Syarikat telah melantik wakil dari Bahagian Kewangan dan bahagian terlibat untuk menyelia dan mengesahkan aset sekurangnya setahun sekali. Senarai aset yang terbiar dan tidak digunakan serta aset yang rosak akan dibawa kepada kelulusan untuk dilupuskan atau dijual dalam Mesyuarat ALP Bil. 5 Tahun 2022 (Ogos 2022).

Pendapat Audit | **Pengurusan aset terutama melibatkan aset bagi operasi penternakan yang tidak lagi dijalankan oleh RTSB adalah tidak cekap kerana tidak disenggara dengan teratur.**

5.2.4. Pengurusan Sewaan Reban dan Pajakan Tanah

Setelah operasi penternakan dan pemprosesan ayam dihentikan pada tahun 2020, RTSB mula menjalankan aktiviti penyewaan reban dan pajakan tanah ladang sawit sebagai satu daripada aktiviti utama syarikat pada tahun 2021. Semakan Audit terhadap proses aktiviti penyewaan reban ayam dan pajakan tanah ladang sawit RTSB mendapati perkara seperti berikut:

a. Penyewaan Reban A dan Reban B


- i. RTSB memiliki dua jenis reban ayam iaitu Reban A dan Reban B yang terletak di Sg. Miang, Pekan. Reban A mempunyai 12 unit Reban Ayam Terbuka yang boleh menampung 8,000 ekor ayam dalam satu reban. Reban B pula mempunyai 10 unit Reban Ayam Tertutup yang boleh menampung 10,000 ekor ayam dalam satu reban. Aktiviti penyewaan bagi kedua-dua reban mula dijalankan oleh RTSB setelah operasi penternakan ayam ditutup. Kronologi bagi proses aktiviti penyewaan reban ayam RTSB adalah seperti dalam **Jadual 9** dan **Carta 4**.

JADUAL 9
KRONOLOGI AKTIVITI PENYEWAAN REBAN AYAM RTSB
DARI TAHUN 2019 HINGGA 2021

NAMA SYARIKAT	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA/PERJANJIAN	TEMPOH USAHASAMA	SEWAAN BULANAN (RM)	STATUS
Reban A				
CA0224533-T	-	01.10.2020 - 30.09.2029 (10 tahun)	12,300	Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 10.09.2020 tetapi tawaran dibatalkan oleh RTSB pada 25.09.2020 disebabkan penyewa tidak bersetuju dengan syarat ditetapkan.
576079-U	-	1.11.2020 - 31.12.2030 (10 tahun)	12,000	Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 25.09.2020 tetapi tawaran dibatalkan oleh RTSB pada 12.10.2020 disebabkan penyewa gagal memenuhi syarat yang ditetapkan.
002859574-X	06.11.2020	01.12.2020 - 30.12.2030 (10 Tahun)	12,000	<ul style="list-style-type: none"> Penyewa telah membayar yuran komitmen sejumlah RM76,000 daripada RM84,000 yang disyaratkan. Tempoh membaik pulih reban selama tiga bulan (pengecualian sewa). Sewaan bulanan dikurangkan kepada RM6,000 sehingga bulan Disember 2021 melalui surat bertarikh 24.06.2021. Notis penamatan penyewaan reban oleh RTSB dikeluarkan pada 11.10.2021 disebabkan penyewa gagal membayar baki deposit RM8,000 dan tunggakan sewa bulanan bagi Jun hingga September 2021 (Klausula 8.3).
Reban B				
586577-U	-	01.10.2020 - 30.09.2030 (10 tahun)	27,000	Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 10.09.2020 tetapi tawaran dibatalkan pada 25.09.2020 disebabkan RTSB tidak dapat memenuhi permohonan dan syarat tambahan oleh penyewa.
35077-K	25.09.2020	01.11.2020 - 31.10.2030 (10 tahun)	30,000	<ul style="list-style-type: none"> Sejumlah RM210,450 (Deposit sewaan RM180,000, sewa bulan pertama dan caj lain telah dibayar oleh penyewa). Tempoh membaik pulih reban selama tiga bulan (pengecualian sewa). RTSB bersetuju dengan penarikan semula penyewaan melalui surat bertarikh 10.02.2021.
CA0224665-K	28.01.2021/ 15.04.2021	01.02.2021 - 31.01.2031 (10 tahun)	30,000	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran komitmen sejumlah RM210,000 dibayar oleh penyewa pada 04.02.2021. Tempoh membaik pulih reban selama enam bulan (pengecualian sewa). RTSB bersetuju dengan notis penamatan sewa oleh penyewa pada 28.08.2021 disebabkan penyewa tidak mampu menanggung kos pembaikan reban yang tinggi.
Reban A dan Reban B				
1437487-P	25.10.2021 dan 09.11.2021	Reban A 11.11.2021 - 10.11.2031 (10 tahun) dan Reban B 08.11.2021 - 07.11.2031 (10 tahun)	10,000 dan 20,000	<ul style="list-style-type: none"> Yuran komitmen RM360,000 telah dibayar oleh penyewa. Tempoh membaik pulih reban selama 12 bulan (pengecualian sewa).

Sumber: Fail Sewaan Reban RTSB

CARTA 4
KRONOLOGI SEWAAN REBAN AYAM RTSB
BERMULA PADA BULAN SEPTEMBER 2020 HINGGA NOVEMBER 2021



Sumber: Fail Sewaan Reban RTSB

- ii. Berdasarkan Jadual 9 dan Carta 4, bagi kedua-dua Reban A dan Reban B, terdapat tiga buah syarikat sama ada telah menunjukkan minat, mengadakan perbincangan atau menyewa reban berkenaan daripada RTSB antara bulan November 2020 sehingga Oktober 2021. Bagaimanapun, akibat beberapa masalah seperti kegagalan penyewa memenuhi syarat yang ditetapkan, ketidakupayaan penyewa menjelaskan deposit dan tunggakan serta menanggung kos pembaikan reban, perjanjian penyewaan tidak dapat diteruskan atau terpaksa ditamatkan lebih awal.
- iii. RTSB kemudiannya bersetuju untuk menyewakan Reban A dan Reban B kepada syarikat 1437487-P masing-masing pada 29 Oktober 2021 dan 9 November 2021. Perkara ini juga telah diminitkan dalam minit Mesyuarat ALP RTSB Bil. 4 Tahun 2021 bertarikh 30 November 2021. Syarikat 1437487-P telah membayar sepenuhnya Bayaran Jaminan Pelaksanaan sejumlah RM360,000 sebagaimana disyaratkan dalam perjanjian usaha sama bagi kedua-dua reban.
- iv. Mengikut perjanjian, syarikat 1437487-P diberi tempoh 12 bulan untuk membaik pulih Reban A dan Reban B bermula pada bulan November 2021 hingga Oktober 2022. Segala kos dan perbelanjaan baik pulih tersebut ditanggung sepenuhnya oleh syarikat 1437487-P. Dalam tempoh berkenaan, tiada bayaran sewa bulanan perlu dibuat. Sewa bulanan bagi kedua-dua reban akan bermula pada bulan November 2022.

v. Lawatan Audit pada 9 Mei 2022 di Reban A dan Reban B mendapati keadaan Reban A dalam proses baik pulih oleh syarikat 1437487-P dengan dua daripada 12 reban telah beroperasi. Keadaan Reban B pula telah rosak, tidak disenggara dan dipenuhi semak samun. Hal ini disebabkan syarikat tidak mempunyai kewangan yang mencukupi untuk membaik pulih reban sebelum disewakan kepada pihak luar. Oleh itu, RTSB bersetuju memberi pengecualian sewa selama setahun mulai 11 November 2021 hingga 10 November 2022 dan 8 November 2021 hingga 7 November 2022 tetapi penyewa disyaratkan untuk menanggung semua kos pembaikan reban berkenaan. Keadaan Reban B semasa lawatan Audit adalah seperti dalam **Gambar 7** hingga **Gambar 10**.

GAMBAR 7



GAMBAR 8



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Keadaan Reban yang Rosak, Tidak Disenggara dan Dipenuhi Semak Samun
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



GAMBAR 10



Reban B, RTSB di Sg. Miang, Pekan
- Keadaan Reban yang Rosak, Tidak Disenggara dan Dipenuhi Semak Samun
(09.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 1 Jun 2022

RTSB tidak mampu membaik pulih reban kerana kos penyenggaraan sangat tinggi. Sehubungan itu, ALP mengambil keputusan untuk menyewakan reban *as is where is basis*. Penyewaan reban oleh syarikat 1437487-P telah bermula pada bulan November 2021, maka adalah menjadi tanggungjawab penyewa untuk menyenggara reban tersebut.

b. Pajakan Tanah Ladang Kelapa Sawit

RTSB juga menjalankan aktiviti pajakan tanah ladang sawit seluas 500 ekar di Sg. Miang, Pekan. Tanah berkenaan adalah milik PKNP tetapi diuruskan oleh RTSB. Semakan Audit mendapati sebanyak 155 ekar daripada 500 ekar tapak tanah ladang sawit telah dipajak kepada syarikat 1412429-H untuk tujuan pembangunan projek solar. Dua perjanjian pajakan disediakan iaitu antara PKNP dengan RTSB (tuan tanah bersama) dan antara PKNP dengan RTSB dan syarikat 1412429-H. Manakala tanah ladang sawit seluas lebih kurang 320 ekar akan dipajakkkan kepada syarikat 783087-D. Baki 25 ekar merupakan tapak Reban A dan Reban B yang disewakan. Setakat pengauditan dijalankan pada 11 Mei 2022, **perjanjian pajakan bagi kedua-dua belah pihak masih dalam proses penyediaan.** Butiran lanjut berkaitan perjanjian pajakan kedua-dua tapak tanah tersebut adalah seperti dalam **Jadual 10.**

**JADUAL 10
PAJAKAN TANAH LADANG SAWIT DI SUNGAI MIANG, PEKAN**

JENIS SEWAAN/PAJAKAN	KUAT KUASA PERJANJIAN	CATATAN
Syarikat 1412429-H		
Pajakan Tanah Tapak Seluas 155 Ekar Di HSD 1944 PT 3598, Mukim Bebar, Pekan Pahang Bagi Pembangunan Projek Solar Berskala Besar	19.08.2021 & 28.09.2021 (Perjanjian Tambahan)	<ul style="list-style-type: none">• Sumber baru pendapatan.• Kadar sewa berjumlah RM2,500 seekar setahun dengan peningkatan 5% dalam tempoh 3 tahun sehingga tamat tempoh pajakan.• Tempoh pajakan 30 tahun:<ol style="list-style-type: none">i. 25 tahun tempoh pajakan pertama.ii. Lanjutan 5 tahun tempoh kedua (pilihan).• Tempoh pajakan tanpa bayaran (pelaksanaan projek) bagi dua tahun pertama dari tarikh permulaan pajakan pertama.• Bayaran ganti rugi ke atas pokok RM7,500 seekar apabila:<ol style="list-style-type: none">i. 30% semasa tawaran diterima.ii. 70% dalam tempoh 30 hari dari tarikh serahan tapak.
Syarikat 783087-D		
Sewa Pajakan Ladang Sawit Seluas (lebih kurang 320 ekar Atas Sebahagian Tanah HS(D) 1944, PT 3598 Milik PKNP Di Sg. Miang, Pekan (Ganchong Tambahan)	Perjanjian sedang disediakan	<ul style="list-style-type: none">• Surat tawaran kepada syarikat 783087-D pada 13.12.2021.• Surat Setuju Terima Tawaran bertarikh 16.12.2021.• Sewa pajakan RM25,600/bulan.• Tempoh pajakan 20 + 5 tahun (01.01.2022 - 31.12.2047).• Caj pengurusan yang telah dijelaskan oleh syarikat 783087-D sejumlah RM350,000 pada 20.12.2021 kepada PKNP.

Sumber: Fail Sewaan/Pajakan Tanah RTSB dan Perjanjian

Pendapat | Tindakan RTSB untuk mempelbagaikan aktiviti syarikat bagi Audit | meningkatkan hasil merupakan satu usaha yang baik.

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai sebuah syarikat, pengurusan RTSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perlembagaan Syarikat, Jabatan Agama Islam Pahang, Enakmen Perladangan Unggas 2005 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang, SOP serta peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, amalan terbaik daripada Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021, *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness April 2006* (Green Book) dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] turut dijadikan rujukan.

5.3.2. Secara keseluruhan, RTSB hanya mengamalkan tiga daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat secara sepenuhnya iaitu aspek berkaitan Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif serta Pelan Strategik dan KPI. **Empat aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP dan Jawatankuasa Audit.** Aspek tadbir urus korporat berkaitan Audit Dalam pula tidak diamalkan kerana syarikat bergantung kepada Unit Audit Dalam PKNP disebabkan saiz syarikat berskala kecil. Butiran lanjut aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	<p>MCCG 2021 amalan 1.1 Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi dan pelan perniagaan yang mantap serta rangka kerja tadbir urus yang berkesan.</p> <p>MCCG 2021 amalan 5.2 Sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah adalah pengarah berstatus bebas. Selain itu, Piagam Lembaga Pengarah RTSB menetapkan pelantikan pengarah berstatus bebas adalah menurut keperluan semasa syarikat.</p> <p>Seksyen 213, Akta Syarikat 2016 Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian dengan perniagaan syarikat.</p>	<ul style="list-style-type: none">Objektif, visi dan misi syarikat masih belum dipinda berdasarkan aktiviti semasa.Kesemua ALP adalah berstatus tidak bebas kerana merupakan pegawai daripada PKNP iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Pengurus Kewangan dan Pengurus Perindustrian.Piagam Lembaga Pengarah RTSB tidak selaras dengan amalan terbaik berkaitan kebebasan ALP yang boleh menimbulkan risiko konflik kepentingan dalam membuat keputusan.Seuja Lembaga Pengarah yang dilantik tidak mempunyai kapakaran dan pengalaman dalam bidang penternakan ayam. Bidang kapakaran Lembaga Pengarah meliputi aspek pentadbiran dan diplomatik serta perakaunan.

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Setiausaha Syarikat	MCCG 2021 amalan 1.5 Setiausaha Syarikat berperanan menasihati Lembaga Pengarah mengenai peranan dan tanggungjawab mereka. Peranan utamanya adalah membimbing, memberi panduan dan nasihat kepada ALP berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat.	Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah dalam aspek tadbir urus korporat seperti keperluan untuk meminda objektif, visi dan misi syarikat; separuh daripada keahlian ALP berstatus bebas; Piagam Lembaga Pengarah selaras dengan amalan terbaik; kepakaran dan pengalaman Lembaga Pengarah yang perlu dilantik serta pengemaskinian dan penambahbaikan SOP.
Standard Operating Procedures	Seksyen 246, Akta Syarikat Syarikat hendaklah mempunyai suatu sistem kawalan dalaman yang akan memberi jaminan munasabah bahawa aset syarikat akan dilindungi daripada kerugian akibat penggunaan atau pelupusan dan dapat memberikan keterangan aset yang sepatutnya. MKD Handbook perenggan 1.9(c) dan 2.2(f) Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP diwujudkan bagi memantapkan tadbir urus syarikat yang merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti bagi mencapai objektifnya.	SOP berkaitan penilaian pencapaian KPI tidak disediakan antaranya berat purata ayam, kematian ayam dan <i>Food Conversion Rate</i> (FCR). SOP aktiviti pemasaran ayam proses hanya disediakan pada tahun 2022 dan tidak terperinci. Selain itu, SOP berkenaan aktiviti sewaan reban ayam juga belum disediakan. Bagi aspek kewangan pula, SOP berhubung pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani cek melalui Resolusi Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2021 pada 11 Oktober 2021 masih belum dikemas kini dalam Had Kuasa Melulus RTSB. SOP bagi pengurusan aset yang disediakan juga tidak terperinci.
Jawatankuasa Audit	MCCG 2021 amalan 9.1 dan 9.4, <i>Green Book</i> perenggan 1.2.1., 1.2.3. dan <i>Appendix 3</i> <ul style="list-style-type: none"> - Lembaga Pengarah mewujudkan Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalam operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. - JKA hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas sahaja dan bermesyuarat seperti perancangan yang ditetapkan. Laporan JKA juga hendaklah dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah. - Laporan penyelidikan <i>Chartered Institute of Internal Auditors, What Every Director Should Know – How To Get The Most From Your Internal Audit</i>, muka surat 5 pula menyatakan JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. 	JKA baru diwujudkan oleh RTSB melalui Mesyuarat ALP RTSB Bil. 2 Tahun 2022 bertarikh 30 Mac 2022. Pengerusi Lembaga Pengarah RTSB telah dilantik sebagai ahli JKA dan berstatus tidak bebas. JKA belum pernah bermesyuarat dan tiada laporan JKA dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, tiada perjumpaan JKA dengan Ketua Audit Dalam disebabkan Audit Dalam belum diwujudkan.
Audit Dalam	MCCG 2021 amalan dan panduan 11.1. JKA hendaklah menentukan fungsi audit dalam dengan membuat keputusan mengenai pelantikan dan penyingkiran; skop kerja; penilaian prestasi dan bajet. Audit Dalam dilaksanakan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.	Audit Dalam tidak ditubuhkan oleh RTSB kerana bergantung kepada Unit Audit Dalam PKNP disebabkan saiz syarikat berskala kecil.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas RTSB yang Diterima pada 21 Jun 2022 dan 7 Julai 2022

Pindaan Piagam Ahli Lembaga Pengarah RTSB; visi dan misi telah dipinda mengikut aktiviti semasa; SOP Pemasaran, SOP Sewaan Reban dan SOP Pengurusan Aset; telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas ALP Bil. 4 Tahun 2022 pada 24 Jun 2022.

Setiausaha Syarikat telah menasihati ALP berkaitan keperluan meminda objektif, visi dan misi syarikat; pindaan piagam berkaitan status bebas pengarah; kepakaran dan pengalaman lembaga pengarah yang perlu dilantik; serta pengemaskinian dan penambahbaikan SOP dalam Mesyuarat Khas ALP Bil. 4 Tahun 2022 pada 24 Jun 2022.

RTSB telah menukar “Business Model” daripada penternakan ayam kepada penyewaan dan pemasaran ayam. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk kepakaran luar. Aktiviti semasa RTSB adalah penyewaan reban dan pemasaran ayam proses di mana kepakaran daripada peringkat PKNP digunakan. Selain itu, tumpuan syarikat adalah berkaitan dengan usaha sama, justeru itu kepakaran daripada pihak rakan kongsi (Joint Venture) digunakan.

SOP berkaitan KPI iaitu berat purata ayam, kematian ayam dan FCR tidak disediakan. Memandangkan operasi penternakan ayam telah dihentikan pada tahun 2020, maka SOP akan diteliti semula sekiranya syarikat bercadang untuk menjalankan semula operasi tersebut.

Penubuhan JKA RTSB pada 30 Mac 2022 telah dibatalkan dan diluluskan melalui Mesyuarat ALP RTSB Bil. 3 Tahun 2022 pada 1 Jun 2022. Syarikat akan menggunakan pakai JKA di peringkat PKNP. Laporan JKA akan dibentangkan dalam mesyuarat ALP sekiranya ada. Namun begitu, Pengerusi akan dikecualikan daripada mesyuarat semasa laporan pengauditan RTSB dibentangkan oleh Unit Audit Dalam PKNP.

Unit Audit Dalam PKNP bertanggungjawab menjalankan khidmat pengauditan ke atas RTSB dan tiada keperluan untuk Audit Dalam RTSB ditubuhkan memandangkan syarikat berskala kecil.

Pendapat Audit | Secara keseluruhan, amalan tadbir urus korporat RTSB adalah memuaskan, namun penambahbaikan diperlukan bagi aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP dan JKA.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, RTSB tidak mencapai objektif penubuhan syarikat. Pencapaian output berdasarkan prestasi aktiviti penternakan dan penjualan ayam adalah tidak cekap kerana tidak mencapai sasaran ditetapkan. Kelemahan dalam pengurusan dan pengendalian aktiviti utama syarikat menyebabkan operasi penternakan ditutup dan syarikat telah menanggung kerugian. Selain itu, kedudukan kewangan RTSB adalah kurang stabil. Pendapatan menunjukkan trend penurunan dari tahun 2019 hingga 2021 serta mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM4.15 juta pada tahun 2021. Tunai dan kesetaraan tunai RTSB pada akhir tahun bagi ketiga-tiga tahun berbaki positif tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung obligasi syarikat. Kemampuan kewangan syarikat mempengaruhi penilaian usaha berterusan (going concern) syarikat pada masa akan datang. Bagaimanapun, tadbir urus korporat RTSB adalah memuaskan dengan empat daripada lapan aspek tadbir urus korporat yang diaudit tidak diamalkan sepenuhnya dan satu aspek tidak diamalkan.

7. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan RTSB dicapai secara lebih efektif serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah RTSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

- 7.1. pihak pengurusan perlu memastikan objektif syarikat selaras dengan aktiviti utama yang dijalankan dan penilaian terhadap pencapaian prestasi syarikat dilaksanakan secara berkala;
- 7.2. penetapan KPI hendaklah secara konsisten mengikut pencapaian prestasi syarikat;
- 7.3. SOP hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa terutama bagi aktiviti pemasaran dan pengurusan aset untuk membolehkan pemantauan yang lebih berkesan dilaksanakan; dan
- 7.4. memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP dan JKA.